

Ahmad berkata: “Hadits garisan (sebagai sutrah) adalah dha’if.” Daraquathni berkata: “Ia tidak sahih dan tidak tsabit.” Imam Syafi’i dalam Sunan Harmalah berkata: “Orang yang hendak bersembahyang tidak harus membuat garisan di hadapannya kecuali ia terdapat di dalam hadits yang sahih. Ketika itu barulah ia harus diikuti.” Di dalam Taqrib at-Tahzib dan Lisan al-Mizaan juga Hafiz Ibnu Hajar mengatakan Abu ‘Amar bin Muhammad bin Hurait dan datuknya Hurait majhul. Imam Zahabi juga mengatakan begitu. Jadi bagaimana hadits yang diriwayatkannya akan menjadi hasan. Bukankah dengan adanya ‘illat-illat seperti ini sesuatu hadits tidak boleh dihukum hasan, apa lagi hendak dihukum sebagai sahih?! Oleh itu benarlah tindakan Malik dan al-Laits yang mengatakan hadits tentang garisan sebagai sutrah itu tidak berasas sama sekali. Demikian juga tepat sekali sikap Bukhari yang langsung tidak memberi ruang kepada hadits-hadits seperti itu di dalam kitab Sahihnya. Seperkara lagi perlu dijelaskan di sini iaitu tidak benar kata-kata sesetengah ‘ulama’ bahawa kalau diandaikan hadits ini dha’if sekalipun, ia tetap harus dipakai dalam bab fadha’il. Sebabnya ialah perkara ini tidak termasuk dalam bab fadha’il. Ia termasuk bab hukum sebenarnya. Bukankah perintah Rasulullah s.a.w. supaya membuat garisan sebagai sutrah ketika tidak ada sesuatu yang lain yang dapat dijadikan sutrah, boleh memberi erti wajib jika tidak ada qarinah (petunjuk) yang memalingkannya daripada memberi erti itu?? Imam Syafi’i dalam qaul qadimnya menerima garisan sebagai sutrah. Tetapi setelah jelas kepada beliau kedua’ifan hadits garisan sebagai sutrah itu, beliau meninggalkannya dan mempopularkan pula qaul jadidnya. Kata-kata Syafi’i yang tersebut di dalam Sunan Harmalah itu merupakan qaul jadid beliau dalam masalah ini. Kalau Syafi’i menganggap ini soal fadha’il, kenapa beliau tidak terus berpegang dengan hadits Abu Hurairah itu? Kenapa sebaliknya beliau berkata: “Orang yang hendak bersembahyang tidak harus membuat garisan di hadapannya kecuali ia terdapat di dalam hadits yang sahih. Ketika itu barulah ia harus diikuti.” **Keduanya** ialah Imam Bukhari juga tidak menyebut langsung sama ada secara terang atau secara isyarat tentang kedudukan sutrah yang diletakkan di hadapan orang yang bersembahyang. Apakah ia harus diletakkan betul-betul di hadapan orang yang bersembahyang dengan erti ia betul-betul setentang dengan mukanya atau ia harus diletakkan dengan menyerong sedikit dari mukanya, sama ada ke kanan sedikit atau ke kiri sedikit. Berpandukan satu hadits yang dikemukakan oleh Ahmad dan Abu Daud, sutrah sepatutnya tidak diletakkan betul-betul setentang dengan muka orang yang bersembahyang. Nabi s.a.w. dikatakan tidak berdiri membuat sutrah di hadapannya. Sutrah itu sama ada diletakkan di sebelah kanan sedikit atau di sebelah kiri sedikit dari muka Baginda s.a.w. Berikut ialah hadits tersebut dengan sanad dan terjemahannya: حَدَّثَنَا عَلِيُّ بْنُ عَاشٍ حَدَّثَنَا أَبُو غَيْبَةَ عَنْ حُزْرِ الْبَهْرَانِيِّ عَنْ ضَبَاعَةَ بِنْتِ الْمُقَدَّادِ بْنِ الْأَسْوَدِ عَنْ أَبِيهَا أَنَّهُ قَالَ مَا رَأَيْتُ رَسُولَ الْوَلِيدِ بْنِ كَامِلٍ مِنْ أَهْلِ حِمَصِ الْبَجَلِيِّ حَدَّثَنِي الْمُكَلَّبِيُّ حَدَّثَنِي الْبَهْرَانِيُّ عَنْ ضَبَاعَةَ بِنْتِ الْمُقَدَّادِ بْنِ الْأَسْوَدِ عَنْ أَبِيهَا أَنَّهُ قَالَ مَا رَأَيْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ صَلَّى إِلَى عُمُودٍ وَلَا غُودٍ وَلَا شَجَرَةٍ إِلَّا جَعَلَهُ عَلَى حَاجِيهِ الْيَمِينِ وَالْأَيْسَرِ وَلَا يَمْنُنُ لَهُ صَدَدًا Bermaksud: Dhuba’ah binti al-Miqdaad bin al-Aswad meriwayatkan daripada ayahnya (al-Miqdaad), kata ayahnya: “Tidak pernah kulihat Rasulullah s.a.w. bersembahyang dengan bersutrahkan tiang, kayu atau pokok melainkan Beliau s.a.w. akan berada di sebelah kanannya (sedikit) atau di sebelah kirinya (sedikit). Beliau s.a.w. tidak berdiri betul-betul setentang dengannya. (Hadits riwayat Ahmad dan Abu Daud). Hadits ini tentu sekali disedari kewujudannya oleh Bukhari kerana ia adalah riwayat gurunya sendiri Imam Ahmad Tetapi beliau langsung tidak menyebutnya walaupun secara isyarat melalui bab-bab yang dibuatnya. Kenapa? Tidak kerana lain melainkan kerana hadits itu bukan sekadar tidak menepati syarat beliau, malah ia adalah satu hadits yang sangat dha’if yang tidak perlu dihiraukan langsung. Ada tiga sebab kenapa hadits itu sangat dha’if. (1) Abu ‘Ubaidah Al-Walid bin Kamil adalah seorang perawi dha’if. (2) Jahaalah (tidak diketahui siapa sebenarnya) Muhallab bin Hujr dan Dhuba’ah. (3) Iththiraab (keadaan tidak ketentuan) isnad dan matannya. Abu ‘Ubaidah Al-Walid bin Kamil telah dihukum dha’if oleh Abu Hatim dan Abu al-Fath al-Azdi. Imam Bukhari berkata: “Padanya ada banyak ke’ajaiban.” Maksudnya ialah hadits-haditsnya banyak yang pelik. Ini ialah istilah yang digunakan oleh Bukhari untuk perwi dha’if atau perawi pendusta. Hafiz Ibnu Hajar mengatakan ia perawi lemah (لين الحديث). Berhubung dengan sebab kedua, Imam Zahabi dan Hafiz Ibnu Hajar berkata: “Al-Muhallab seorang perawi majhul.” Dhuba’ah binti al-Miqdaad pula kata Hafiz Ibnu Hajar dan Ibnu a-Qatthaan: “Dia perawi yang tidak dikenali.” Berhubung dengan sebab ketiga pula, di dalam setengah-setengah isnadnya tersebut Miqdaam bukan Miqdaad. Demikianlah tersebut di dalam saluran riwayat Baihaqi. Di dalam setengah-setengah yang lain pula tersebut Miqdaam bin Ma’dikariba. Imam Ahmad juga meriwayatkan melalui saluran riwayat Baqiyyah daripada Al-Walid bin Kamil daripada al-Hujr atau Abi al-Hujr bin al-Muhallab al-Bahraani, katanya: Dhuba’ah binti Miqdaam bin Ma’dikariba daripada ayahnya. Lihatlah betapa tidak tetapnya (iththiraab) isnad Ahmad ini. Bandinglah dengan isnad beliau yang dikemukakan di permulaan perbincangan tadi. Iththiraab pada matan dapat dilihat

٤٦٨ - حَدَّثَنَا مُسَدَّدٌ قَالَ حَدَّثَنَا يَحْيَى عَنْ عُبَيْدِ اللَّهِ أَخْبَرَنِي نَافِعٌ عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عُمَرَ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ يُرَكِّزُ لَهُ الْحَرْبَةَ فَيُصَلِّي إِلَيْهَا

468- Musaddad meriwayatkan kepada kami, katanya: Yahya (bin Sa'id al-Qatthaan) meriwayatkan kepada kami daripada 'Ubaidillah (al-'Umari bin 'Umar bin Hafash bin 'Aashim bin 'Umar bin al-Khatthaab), (katanya): Naafi' meriwayatkan kepadaku daripada 'Abdillah bin 'Umar: "Bahawa biasanya dipancangkan tombak untuk Nabi s.a.w. Lalu Baginda bersembahyang dengan bersutrahkannya."⁷⁹⁷

بَابُ الصَّلَاةِ إِلَى الْعَتَرَةِ

66- Bab Bersembahyang Dengan Bersutrahkan Lembing.

٤٦٩ - حَدَّثَنَا آدَمُ قَالَ حَدَّثَنَا شُعْبَةُ قَالَ حَدَّثَنَا عَوْنُ بْنُ أَبِي جُحَيْفَةَ قَالَ سَمِعْتُ أَبِي قَالَ خَرَجَ عَلَيْنَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِالْهَاجِرَةِ فَأَتَيْتُ بَوْضُوءَ فَتَوَضَّأَ فَصَلَّى بِنَا الظُّهْرَ وَالْعَصْرَ وَبَيْنَ يَدَيْهِ عَتَرَةٌ وَالْمَرْأَةُ وَالْجِمَارُ يَمْشُونَ مِنْ وَرَائِهَا

469- Adam (bin Abi Iyaas) meriwayatkan kami, katanya: Syu'bah (bin al-Hajjaaj) meriwayatkan kepada kami, katanya: 'Aun bin Abi Juhaifah (Wahab bin 'Abdillah as-Suwaa'i) meriwayatkan kepada kami, katanya: Saya telah mendengar ayah saya bercerita, katanya: Rasulullah s.a.w. keluar kepada kami pada waktu tengahari, lalu dibawakan air sembahyang kepadanya. Maka Baginda s.a.w. berwudhu'. Kemudian mengimami kami

misalnya pada riwayat Nasaa'i melalui thariq Baqiyyah daripada Al-Walid bin Kamil, katanya: al-Muhallab bin Hujr al-Bahraani meriwayatkan kepada kami daripada Dhuba'ah binti Miqdaam bin Ma'dikariba daripada ayahnya, katanya: Rasulullah s.a.w. bersabda: إذا صلى أحدكم إلى عمود أو سارية أو شيء فلا يجعله نصب عينيه ولا يجعله على حاجبه الأيسر Bermaksud: "Apabila seseorang daripada kamu bersembahyang dengan menghadap kepada tiang, tonggak atau sesuatu yang lain (sebagai sutrah), maka benda-benda itu janganlah berada betul-betul di hadapannya. Dia hendaklah membiarkannya berada di sebelah kirinya. Hafiz Syamsuddin Ibnu al-Qayyim di dalam Tahzib Sunan Abi Daud ketika membuat komentar terhadap hadits ini berkata: 'Ali bin 'Ayyaasy meriwayatkannya sebagai perbuatan Rasulullah s.a.w. Baqiyyah pula meriwayatkannya sebagai sabda Baginda s.a.w. Pada kedua-dua riwayat itu terdapat perbezaan yang ketara. Demikian juga komen Ibnu al-Qatthaan dan az-Zaila'i. Daripada perbincangan ini dapat dilihat sebab kenapa Imam Bukhari tidak menerima hadits ini dan betapa telitinya beliau dalam menapis sesuatu hadits. Kiranya para pembaca sekalian dapat menduga sedikit sebanyak kepakaran dan kemahiran Imam Bukhari dalam ilmu hadits.

⁷⁹⁷ Hadits Ibnu 'Umar ini telah pun berlalu di bawah باب سنّة الإمام من خلقه. Lihat hadits no:464 bersama nota 789 di bawahnya untuk mendapat pengajaran dan panduan daripadanya.

bersembahyang Zohor dan `Ashar dengan bersutrahkan lembing. Orang-orang perempuan dan keledai (dengan penunggangnya) lalu di sebelah hadapan lembing itu.⁷⁹⁸

٤٧٠ - حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ حَاتِمٍ بْنُ بَزِيمٍ قَالَ حَدَّثَنَا شَذَّانُ عَنْ شُعْبَةَ عَنْ عَطَاءِ بْنِ أَبِي مَيْمُونَةَ قَالَ سَمِعْتُ أَنَسَ بْنَ مَالِكٍ قَالَ كَانَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِذَا خَرَجَ لِحَاجَتِهِ تَبِعْتُهُ أَنَا وَعُلاَمٌ وَمَعَنَا عُكَّازَةٌ أَوْ عَصَا أَوْ عَنَزَةٌ وَمَعَنَا إِدَاوَةٌ فَإِذَا فَرَغَ مِنْ حَاجَتِهِ نَاولْنَاهُ الْإِدَاوَةَ

470- Muhammad bin Haatim bin Bazi` meriwayatkan kepada kami, katanya: Syaazan (nama sebenarnya ialah Aswad bin `Aamir al-Baghdaadi) meriwayatkan kepada kami daripada Syu`bah daripada Athaa' bin Abi Maimunah, katanya: Saya mendengar Anas bin Malik bercerita, katanya: "Rasulullah s.a.w. apabila keluar untuk menunaikan hajatnya, aku dengan seorang budak akan mengikuti Baginda. Bersama-sama kami ada tongkat yang bengkok hujungnya atau tongkat atau lembing.⁷⁹⁹ Kami juga membawa bersama satu bekas air. Setelah Baginda s.a.w. selesai menunaikan hajatnya (membuang air), kami memberikan kepadanya bekas air itu."⁸⁰⁰

⁷⁹⁸ Hadits Abi Juhaifah ini juga telah berlalu di bawah خلفه من خلفه hadits no:465. Untuk mendapat sebahagian daripada pengajaran dan panduan daripadanya lihat nota 792 dan 793 di bawahnya. Bagaimanapun rangkai kata يَمْرُونَ مِنْ رَأَيْهَا di hujung hadits ini mencetuskan polimik di kalangan para `ulama' hadits. Ini kerana sepatutnya digunakan di situ perkataan يَمْرُونَ dengan lafaz tatsniah bukan يَمْرُونَ dengan lafaz jama'. Memandangkan ia meruju' kepada dua perkataan yang tersebut sebelumnya iaitu المرأة dan الحمار. Dari sudut ilmu Nahu, sepintas lalu ia kelihatan janggal bahkan salah. Maka beberapa jalan penyelesaian telah diberikan. Antaranya ialah: (1) Hafiz Ibnu Hajar berkata: "Perawi semacam memaksudkan jenis di sini. Riwayat lain yang berbunyi يَمْرُونَ والناس boleh dijadikan sebagai penyokongnya." Hafiz Al-'Aini membantah pendapat Hafiz Ibnu Hajar dengan berkata: "Kalau dimaksudkan jenis, tentulah jenis perempuan dan jenis keledai. Ia tetap juga tatsniah. (2) Hafiz Ibnu Hajar mengandaikan satu lagi jawapan. Kata beliau: "Zahirnya menunjukkan ia akibat tasharruf (pindaan) perawi." Hafiz Al-'Aini masih tidak berpuas hati dengan andaian Hafiz Ibnu Hajar itu, maka beliau berkata: "Itu bererti kita mengatakan perawi menggunakan bahasa yang menyalahi qaedah." (3) Ibnu Malik berpendapat: "Maksud mereka sebenarnya ialah المرأة والحمار وراكبه (perempuan, keledai dengan penunggangnya). Dibuangkan perkataan راکب kerana perkataan الحمار sudah menunjukkannya. Kemudian ditaghlilkan muzakkar راکب yang ditaqdirkan atas muannatsnya المرأة dan ditaghlilkan juga yang ber'aqal atas keledai yang tidak ber'aqal. Itulah sebabnya perawi menggunakan perkataan يَمْرُونَ di dalam hadits ini. Hafiz Al-'Aini berpendapat ta'wilan Ibnu Malik itu nampak sangat mengada-ngadanya dan agak sukar untuk diterima. (4) Kata Ibnu at-Tiin: "Ia termasuk dalam qaedah menggunakan lafaz jama' untuk tatsniah." Hafiz Al-'Aini lebih bersetuju dengan pendapat Ibnu at-Tiin berbanding pendapat-pendapat yang lain kerana qaedah itu memang digunakan dalam bahasa `Arab yang fasih.

⁷⁹⁹ Hafiz Ibnu Hajar berpendapat perkataan أو (atau) di sini ialah أو للشك iaitu أو yang digunakan untuk memberi erti syak (perawi). Syeikh Zakariya pula berpendapat أو (atau) di sini ialah أو للتويع iaitu أو yang digunakan untuk menyatakan kepelbagaian benda yang dibawa oleh Anas dan budak yang pergi bersamanya.

⁸⁰⁰ Antara pengajaran dan panduan yang dapat diambil dari hadits ini ialah: (1) Nabi s.a.w. semasa dalam perjalanan, kalau pergi ke tempat membuang air akan dituruti sahabat yang mahu berkhidmat kepadanya.

67- Bab Sutra Di Mekah Dan Selainnya.⁸⁰¹

(2) Kanak-kanak boleh berkhidmat kepada orang tua dalam batas kemampuan mereka. Khidmat yang diberikan oleh Anas dan budak berkenaan hanyalah dalam bentuk membawa bekas air, tongkat dan sebagainya. (3) Keelokan berkhidmat kepada ketua, pemimpin atau guru sama ada ketika bermukim atau ketika dalam perjalanan. (4) Keelokan membawa senjata atau alat-alat tertentu yang diperlukan dalam perjalanan. (5) Al-Muhallab berkata: "Hadits ini membuktikan Rasulullah s.a.w. telah beristinja' dengan menggunakan air. Alasannya ialah kata Anas di hujung riwayat di atas: "Setelah Baginda s.a.w. selesai menunaikan hajatnya (membuang air), kami memberikan kepadanya bekas air itu." Ini bererti bekas air itu diserahkan kepada Baginda. Kalau bekas air itu dibawa untuk wudhu' Rasulullah s.a.w., menurut kebiasaannya, pembawa bekas airlah yang akan menuangkan air untuk Baginda s.a.w. berwudhu', bukan bekas itu diserahkan kepadanya."

⁸⁰¹ Ada beberapa pandangan telah diberikan oleh para pensyarah Sahih Bukhari berhubung dengan tujuan Bukhari mengadakan bab ini. Antaranya ialah: (1) Ibnu al-Munayyir berpendapat, Bukhari menyebut secara khusus Mekah di dalam tajuk bab ini untuk menghilangkan kekeliruan yang mungkin timbul di dalam hati sesetengah orang, bahawa oleh kerana sutrah mengisyaratkan kepada arah qiblat dan di Mekah Ka'bah itu sendiri merupakan qiblat. Maka apa perlunya ada lagi sesuatu yang menunjukkannya? Kesimpulannya ialah Bukhari hendak menegaskan bahawa Mekah juga seperti tempat-tempat lain tetap memerlukan sutrah. Ini kerana sutrah pada hakikatnya disyari'atkan untuk menghalang orang daripada melintas di hadapan orang yang sedang bersembahyang. Melintas orang yang sedang bersembahyang, biar di mana pun tetap akan menggangukannya. Tidak kira sama ada di Mekah atau di lain-lain tempat. (2) Hafiz Ibnu Hajar berpendapat, Bukhari sebenarnya mahu mengkritik orang-orang seperti 'Abdur Razzaaq yang berpegang dengan hadits Katsir bin Katsir bin al-Mutthalib sehingga beliau membuat tajuk: *باب لا يقطع الصلاة* (Bab Tidak Ada Apa Pun Memutuskan Sembahyang Di Mekah). Padahal hadits itu dha'if. Berikut dikemukakan hadits Katsir dengan isnad dan terjemahannya: *عن عمرو بن قيس قال أخبرني كثير بن كثير بن عبد الرزاق عن أبيه عن جده قال رأيت النبي صلى الله عليه وسلم يصلي في المسجد الحرام والناس يطوفون بالبيت وبينه وبين المطالب بن أبي وداعة عن أبيه عن جده قال رأيت النبي صلى الله عليه وسلم يصلي بين يديه ليس بينه وبينهم ستر* Bermaksud: Katsir bin Katsir bin al-Mutthalib bin Abi Wadaa'ah meriwayatkan daripada ayahnya daripada datuknya, kata datuknya (al-Mutthalib): "Aku pernah melihat Nabi s.a.w. bersembahyang di Masjidil Haraam ketika orang ramai sedang berthawaf di Baitillah di antara Beliau s.a.w. dan qiblat (Ka'bah). Tidak ada apa-apa sutrah pun di antara Beliau s.a.w. dengan mereka." Selain 'Abdur Razzaaq hadits ini diriwayatkan juga oleh Ahmad, Abu Daud, Nasaa'i dan Ibnu Majah. Perawi-perawinya walaupun tsiqah, namun ia ma'lul (bercacat). Abu Daud meriwayatkan daripada Ahmad daripada Ibni 'Uyainah, katanya: "Begitulah Ibnu Juraij menceritakan kepada kami (daripada ayahnya daripada datuknya). Kemudian saya bertemu Katsir. Dia berkata: "Saya tidak mendengarnya daripada ayah saya. Saya (hanya) mendengarnya daripada salah seorang ahli keluarga saya dan dia meriwayatkan daripada datuk saya." Siapakah yang dimaksudkan dengan salah seorang ahli keluarga saya itu? Majhul! Di situlah terletak 'illatnya (kecacatannya). Kata Hafiz Ibnu Hajar, Bukhari bermaksud mengingatkan orang ramai tentang kedha'ifan hadits tersebut. Apabila telah terbukti dha'if hadits itu, tidak ada lagi alasan di sisi orang-orang yang mengatakan ada perbezaan di antara Mekah dan lain-lain tempat dari segi sutrah. Kalau begitu dapatlah disimpulkan bahawa sutrah di syari'atkan di semua tempat termasuk Mekah. Untuk tujuan itu Bukhari berdalil dengan hadits Abi Juhaifah. Bathhaa' yang tersebut di dalam hadits Abi Juhaifah itu ialah Bathhaa' Mekah. Maka ia menunjukkan di Mekah juga orang yang bersembahyang memerlukan sutrah. Orang-orang yang berthawaf sahaja kerana dharurat dikecualikan dan dibenarkan oleh sesetengah 'ulama' lalu dan melintas di hadapan orang yang bersembahyang tanpa sutrah. (3) Hafiz al-Aini berpendapat, Imam Bukhari mengadakan bab ini untuk menyatakan hukum istihbab (elok) mengambil sutrah itu umum untuk semua tempat terbuka, sama ada di Mekah atau di tempat-tempat lain. Tujuannya ialah untuk menghalang orang melintas di hadapan orang yang bersembahyang. Kecuali kalau seseorang itu bersembahyang betul-betul di hadapan Ka'bah, di mana tidak mungkin akan ada sesiapa pun lalu di antaranya dengan dinding Ka'bah yang di hadapinya. Ketika itu tidak perlulah dia mengambil sutrah.

Kerana Ka'bah itu sendiri sudah merupakan sutrahnya. Tetapi kalau dia bersembahyang di sebelah belakang Masjidil Haraam atau di mana-mana tanah Mekah yang lain dalam keadaan tidak ada di hadapannya dinding, pokok atau lain-lain seumpamanya, ketika itu eloklah dia mengambil sesuatu sebagai sutrah yang dapat menghalang orang daripada melintas di hadapannya. Perbuatan Nabi s.a.w. patut dijadikan contoh. Baginda s.a.w. telah bersembahyang di Bathhaa' Mekah dengan bersutrahkan lembing.

(4) Kata Ibnu Rajab, para 'ulama' berbeza pendapat tentang hukum sutrah di Mekah. Adakah hukumnya sama dengan di tempat-tempat lain? Mereka terbahagi kepada dua kumpulan dalam masalah ini. **Pertama:** Hukum sutrah di Mekah sama dengan di tempat-tempat lain. Inilah pilihan Bukhari, Syafi'e dan Ahmad dalam salah satu pendapatnya. Ibnu 'Umar dan Anas adalah antara sahabat utama yang berpendapat begini. Abu Nu'aim al-Fadhl bin Dukain meriwayatkan daripada Ja'far bin Burqaan daripada Yazid al-Faqir, katanya: "Aku selalu bersembahyang dekat Ibnu 'Umar di Mekah. Tidak pernah aku melihat orang yang paling tidak suka (benci) dilintas di hadapannya ketika bersembahyang daripada beliau." Abu Nu'aim juga meriwayatkan daripada 'Abdul 'Aziz al-Maajisyun. Beliau meriwayatkan daripada Shaleh bin Kaisaan. Kata Shaleh bin Kaisaan: "Pernah aku melihat Ibnu 'Umar bersembahyang di dalam Ka'bah. Beliau tidak membenarkan sesiapa pun melintas di hadapannya. (Kalau ada orang hendak melintas di hadapannya) Beliau akan segera menahannya." Ibnu Abi Syaibah dengan isnadnya meriwayatkan daripada Yahya bin Abi Katsir, katanya: "Pernah saya melihat Anas bin Malik bersembahyang di Masjidil Haraam dengan bersutrahkan tongkat." **Kedua:** Mekah tidak seperti tempat-tempat lain. Di sana dibenarkan bersembahyang tanpa sutrah. Di sana juga dibenarkan melintas di hadapan orang yang bersembahyang dengan bebas. Inilah pendapat Thaawus, 'Athaa' dan Ahmad berdasarkan riwayat 'Abdil Hakam dan lain-lain daripada beliau. Setengah-setengah tokoh dalam mazhab Ahmad malah mengatakan hukum ini tidak khusus dengan Masjidil Haraam sahaja. Ia bahkan merangkumi semua tanah Mekah dan tanah haram. Antara sandaran Ahmad dalam masalah ini ialah hadits Katsir bin Katsir yang telah dikemukakan tadi. Selain itu atsar-atsar berikut juga menjadi sandaran golongan ini. Dengan isnadnya Ibnu al-Munzir meriwayatkan di dalam al-Ausathnya daripada Ibnu Juraij daripada Ibnu Abi 'Ammaar, katanya: "Pernah saya melihat Ibnu az-Zubair berthawaf di Baitillah. Kemudian beliau pergi bersembahyang dalam keadaan orang ramai sedang berthawaf di antara beliau dengan qiblat. Kata Ibnu Abi 'Ammaar: "Orang perempuan melintas di hadapan beliau. Beliau pula menunggu saja orang perempuan itu pergi. Setelah itu baru beliau meletakkan dahi di tempat yang dipijak oleh perempuan tadi. 'Amar bin Dinar meriwayatkan, katanya: "Pernah saya melihat Muhammad bin al-Hanafiyyah bersembahyang di Mina dalam keadaan orang ramai lalu di hadapannya. Maka datanglah seorang pemuda dari kalangan ahli keluarga beliau dan dia terus duduk di hadapan beliau (dengan menghadap ke arah qiblat supaya orang ramai tidak lagi lalu dan melintas di hadapan beliau). (Atsar riwayat Ibnu Abi Syaibah dan 'Abdur Razzaq di dalam Mushannaf masing-masing). Kata Ibnu Rajab, kalau dikatakan sembahyang tanpa sutrah itu hanya dikhususkan dengan Masjidil Haraam sahaja. Ia tidak merangkumi Mekah dan semua tanah haram, niscaya dua hadits yang kelihatan bertentangan itu dapat dijama'kan. Pendapat ini juga disokong oleh ramai tokoh-tokoh dalam mazhab Ahmad, termasuk al-Qadhi Abu Ya'la di dalam kitabnya al-Jaami' al-Kabir. Menurut Ibnu Rajab, hadits Rasulullah bersembahyang di Bathhaa' dengan bersutrahkan lembing itu tidak bercanggah dengan hadits al-Mutthalib. Hadits al-Mutthalib menunjukkan harus bersembahyang di Mekah tanpa sutrah. Hadits Abu Juhaifah pula menunjukkan harus bersembahyang di Mekah dengan bersutrah. (5) Pada pendapat penulis, mungkin sekali Bukhari mengadakan tajuk bab ini untuk mengisyaratkan kepada khilaf 'ulama' tentangnya. Oleh kerana adanya atsar-atsar sahabat dan tabi'in yang berbeza-beza yang menyebabkan timbulnya khilaf itu, sepatutnya jika ada pun hadits yang menunjukkan Rasulullah s.a.w. bersutrah ketika bersembahyang di Mekah, tidaklah ia mencerminkan tuntutan dan dorongan yang kuat supaya bersutrah seperti di tempat-tempat lain. Di Masjidil Haraam lebih-lebih lagilah tuntutan itu menjadi ringan atau terhapus langsung, terutamanya apabila seseorang bersembahyang di belakang orang-orang yang sedang berthawaf. Kerana bukannya thawaf itu sendiri seperti sembahyang juga? Rasulullah s.a.w. bersabda: **الطواف بالبيت صلاة إلا أن الله أباح فيه الكلام فمن نطق فيه فلا ينطق إلا بخير** Bermaksud: "Thawaf di Baitillah itu (seperti) sembahyang. Cuma Allah membenarkan bercakap ketika berthawaf itu. Sesiapa yang hendak bercakap ketika berthawaf, janganlah dia bercakap melainkan percakapan yang baik." (Hadits riwayat Tirmizi, Daarimi, Ibnu Khuzaimah, Ibnu Hibbaan, Ibnu al-Jaarud, al-Haakim, al-Baihaqi dan lain-lain). Kalau begitu untuk apa lagi bersutrah di belakang orang-orang yang sedang bersembahyang?! Memandangkan di Mekah dan di tanah haram kesesakan yang luar biasa sering berlaku, apa lagi di Masjidil Haraam secara